

## FELDA Selancar 3 tapak sambutan Hari Peneroka Kebangsaan

**Rompin:** Pada Ahad ini, FELDA Selancar 3 akan menjadi tapak sambutan Hari Peneroka Kebangsaan 2019, yang sekali gus menyaksikan pelancaran model baharu bagi peneroka tanah rancangan itu.

Perasmian akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang mana tumpuananya ialah pelancaran Model Baharu FELDA yang disasarkan untuk membantu meningkatkan kehidupan peneroka menerusi pendekatan yang berbeza berbanding sebelum ini.

Pengarah Besar FELDA, Datuk Dr Othman Omar, berkata selain itu, beberapa anugerah juga diperkenalkan pada sambutan seperti Anugerah Rancangan Kam-

pung FELDA yang menawarkan hadiah tempat pertama RM1 juta; Anugerah Ikon Anak FELDA; Anugerah Masjid Contoh dan Anugerah Tokoh Imam.

Beliau berkata, FELDA Selancar 3 dipilih sebagai tuan rumah kerana kawasan itu indah dengan panorama alam semula jadi.

Beliau berkata, pastinya sambutan yang dijangka bakal dihadiri 10,000 peneroka seluruh negara dirangka dengan pelbagai program istimewa.

"Tahun ini amat istimewa kerana kita buat di Selancar 3. Ia satu kawasan yang indah dengan semula jadi. Kecantikan ini ada di FELDA Selancar 3."

"Antara aktiviti yang mampu menarik pengunjung adalah demo

masakan bersama Chef Wan pada Ahad nanti. Antara menuanya adalah resipi membabitkan daging arnab," katanya kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan di tapak Hari Peneroka FELDA peringkat kebangsaan 2019 di Selancar 3, di sini semalam.

Mengulas mengenai intipati penting yang bakal diumumkan Perdana Menteri nanti, Othman berkata ia berkisar inisiatif Model Baharu FELDA dalam ucapan-manfaatnya.

Mewakili warga FELDA, beliau berharap dengan model baharu itu, peneroka dapat keluar daripada kepompong kebiasaan dengan terlalu bergantung kepada sumber tanaman sawit yang me-

 **Tahun ini amat istimewa kerana kita buat di Selancar 3. Ia satu kawasan yang indah dengan semula jadi. Kecantikan ini ada di FELDA Selancar 3.**

**Othman Omar,**  
Pengarah Besar FELDA

ngalami ketidaktentuan harga pada masa ini.

"Kita berharap peneroka berusaha dengan kaedah yang sedikit berbeza dari dahulu contohnya dengan cara menyewakan tanah bagi jangka panjang dan terabit dalam tanaman kontan.

"Sewaan jangka panjang akan dapat dimanfaatkan peneroka terutama yang berusia kerana FELDA akan melakukan tanaman semula di atas tanah mereka tanpa mereka perlu berhutang untuk modal tanaman semula itu.

"Kita mendapati lebih 70 peratus peneroka kini berusia lebih 56 tahun dan mereka juga menghadapi masalah untuk mewariskan tanah kerana anak-anak berhijrah ke bandar," katanya.